

Pendahuluan

Soalan (S). Apa itu HIV?

S. Apa itu AIDS?

Kedua-dua tidak mempunyai pertalian rapat. HIV merupakan satu virus yang menyerang tubuh badan seseorang. AIDS adalah akibat kesan-kesan HIV, apabila tubuh badan menjadi terlalu lemah untuk menghadapi masalah-masalah kesihatan sekunder (ini dipanggil 'penyakit sekunder yang mengambil kesempatan' kerana mereka mengambil kesempatan untuk menyerang tubuh badan yang dilemahkan oleh virus). Seseorang boleh diserang virus HIV tetapi tidak menghadapi penyakit AIDS, dalam situasi ini seorang doktor akan mendiagnosis dia sebagai "HIV positif". Semua pesakit AIDS mempunyai virus (HIV), seorang individu yang ada sistem lali yang lemah ataupun diserang penyakit sekunder adalah menghadapi AIDS, dia juga mempunyai virus HIV (dia adalah HIV +).

HIV menyerang sistem lali tubuh badan kita; sistem ini mempunyai kebolehan untuk melawan penyakit-penyakit. Contohnya, apabila seseorang menjadi sakit, tubuh badannya akan melawan penyakit tersebut supaya dia akan pulih. Virus HIV menjadikan sistem lali menjadi lemah sampai tubuh badan tidak boleh lawan apa-apa penyakit. Apabila seseorang menghadapi virus HIV, ia akan menyerang sistem lali secara perlahan-lahan. Apabila sistem lali menjadi terlalu lemah untuk melindungi tubuh badan, individu ini akan menghadapi AIDS dimana penyakit-penyakit sekunder akan menyerangnya. Terdapatnya definisi perubatan untuk AIDS dimana jumlah sel CD4 adalah dibawah 400. Apabila seseorang meninggal akibat AIDS, mereka tidak dibunuh oleh virus (HIV) sahaja. HIV hanya melemahkan tubuh badan seseorang. Selepas itu, penyakit lain serang dia dan menyebabkan kematiannya. Dalam kes-kes macam ini, individu teresbut tidak terlalu sakit, tetapi akibat serangan virus, sistem lalinya telah jadi terlalu lemah untuk melawan penyakit-penyakit lain dan inilah sebenarnya yang menyebabkan kematian. Seseorang yang mempunyai virus HIV dalam tubuhnya tidak boleh hentikan serangan penyakit-penyakit sekunder yang menyebabkan maut (penyakit seperti malaria, TB, ataupun radang paru-paru). Ini berlaku kerana apabila seseorang dijangkiti oleh HIV, tubuh badannya menjadi lemah dan tidak boleh mempertahankan dirinya sendiri. Dalam hampir setiap kes, HIV dan penyakit-penyakit sekunder adalah sebab-sebab yang menyebabkan kematian AIDS.

Pemeriksaan

Apa itu HIV?

Apa itu AIDS?

Bagaimanakah HIV berkaitan dengan AIDS?

Abakah kesan-kesan HIV atas tubuh badan?

Bagaimanakah AIDS menyebabkan kematian?

Jangkitan HIV

1. Seks tanpa pengawalan diantara seseorang yang telah diserang virus HIV dan seseorang yang sihat dari virus tersebut. Ini memasukkan segala akta-akta seks (melalui dubur, oral, melalui faraj) tanpa perlindungan (seperti kondom). Cuma kondom boleh melindungi seseorang daripada pengaliran HIV. Tetapi kondom hanya berkesan apabila diguna dengan cara betul, apabila ia disimpan dengan cara betul, dan jika ia masih boleh digunakan. Walaubagaimanapun, kondom tidak boleh melindungi individu 100 peratus, beberapa penyelidikan mempunyai kesimpulan bahawa kondom hanya berkesan 93 peratus. Jika dua individu yang tidak menghadapi virus HIV melakukan seks tanpa perlindungan, mereka tidak akan dijangkiti oleh virus tersebut – ini menunjukkan kepentingan untuk memeriksa diri sendiri untuk memastikan jika anda menghadapi HIV. Virus dialirkan daripada seseorang yang mempunyainya kepada individu yang sihat. Seseorang boleh mengurangkan risiko jika dia mempunyai hanya beberapa kekasih. Seperti yang sudah ditulis, pengetahuan tentang status HIV diri sendiri adalah penting. Jika seseorang tidak melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV, dia tidak akan menjadi HIV +, inilah sebabnya banyak cara (dari segi keagamaan, keluarga, kepercayaan, dll) memfokuskan atas pantangan dan belia yang tidak melibatkan diri dalam akta-akta seks. Ia penting untuk faham bahawa 85 peratus daripada kes jangkitan HIV adalah disebabkan melalui seks tanpa perlindungan. Dua sebab pengaliran HIV lain adalah penting, tetapi ini adalah yang terpenting.
2. Melalui pendedahan darah. Ini berlaku apabila darah seseorang yang telah dijangkiti HIV campur dengan (didedah kepada) darah seseorang lagi yang tidak dijangkiti virus tersebut. Orang itu yang pada mulanya tidak mempunyai virus, akan menjadi HIV + akibat pendedahan ini. Ini boleh terjadi melalui beberapa cara. Sebagai contoh apabila orang berkongsi jarum/berkongsi darah seseorang dan ini boleh menyebabkan jangkitan; walaupun kuantitinya kecil. Ini adalah sebabnya semua jarum mesti dibersihkan melalui cara yang betul (akibatnya alat-alat untuk berbuat demikian tidak ada, seseorang boleh guna Clorox ataupun merebus jarum tersebut selama tiga-puluh minit). Kita boleh bayangkan situasi yang lain dimana jangkitan melalui darah berlaku: pisau cukur, alat-alat tukang cacah, alat-alat menusuk, alat-alat menyingkirkan kutu, dll. Pemindahan darah adalah satu daripada faktor-faktor yang berkaitan dengan jangkitan melalui cara ini. Jika darah seseorang tidak diperiksa, darah yang dijangkiti virus HIV boleh dimasukkan ke dalam tubuh seseorang. Sekarang, pemindahan darah tidak beberapa biasa sebab terdapatnya cara lebih cekap untuk memeriksa darah tetapi dua-puluh tahun lalu, pemindahan darah telah menjadi satu masalah besar di Amerika Syarikat.
3. Jangkitan dari ibu ke anak (MTCT ataupun PMTCT). Perempuan-perempuan yang hidup dengan HIV positif boleh jangkiti anak mereka. Ini boleh berlaku semasa keadaan hamil, kelahiran ataupun semasa penyusuan anak. Rawatan boleh menurunkan kemungkinan ini, dan dalam banyak kes, rawatan ini

adalah percuma. Untuk berbuat demikian, ibu mesti tahu status HIVnya. Seorang perempuan yang tidak ada virus Hiv, tidak akan menjangkiti anaknya. Seorang perempuan yang menghadapi virus tersebut, mempunyai peluang 35% menjangkiti bayinya (ini adalah kemungkinan).

Ingat fakta bahawa 85% daripada jangkitan virus HIV disebabkan oleh perhubungan seks. Walaupun cara-cara lain jangkitan mesti dipedulikan, fokus mesti diberikan kepada perhubungan seks oleh sebab kesan besarnya.

Pemeriksaan

Apakah cara terumum untuk dijangkiti dengan HIV?

Apakah cara-cara yang boleh mengurangkan/mencegah jangkitan melalui cara ini?

Apa itu hubungan darah-ke-darah?

Apakah cara-cara yang boleh mengurangkan/mencegah jangkitan melalui cara ini?

Apa itu MTCT?

Apakah cara-cara yang boleh mengurangkan/mencegah jangkitan melalui cara ini?

Apakah faktor terpenting dalam pencegahan ketiga-tiga di atas?

Kenapakah jangkitan melalui perhubungan seks mesti dipedulikan?

Kesihatan dan zat makanan memainkan peranan penting dalam kebolehan badan kita untuk melindungi dan membaikinya sendiri, khususnya daripada penyakit-penyakit. Seseorang tidak semestinya menjadi HIV + daripada satu hubungan dengan virus tersebut. Beberapa orang telah menjadi HIV + selepas satu perhubungan seks apabila beberapa lain sudah didedahkan kepada virus tanpa dijangkiti. Ada orang yang percaya bahawa ini berkaitan dengan kesihatan. Jika seseorang sihat, tubuh badan mempunyai lebih potensi untuk hentikan jangkitan penyakit. Ia adalah dipercayai bahawa seseorang yang sihat ada potensi baik (kemungkinan) untuk menghentikan jangkitan HIV berbanding dengan seorang yang tidak sihat. Ini adalah sama bagi penyakit lain seperti TB dan malaria.

Badan kita memerlukan empat zat makanan: Pertamanya, protein (dijumpa dalam daging, susu, telur, lentil, ataupun kacang) untuk membina otot dan menolong sistem lali tubuh. Ini tidak bermakna bahawa hanya protein akan melindungi sistem lali kita, setiap komponen zat makanan terpenting diperlukan. Kedua, lemak (dijumpa dalam minyak, daging, sayuran, dan banyak makanan lain) memberi tenaga dan melindungi tubuh badan kita. Ketiga, karbohidrat memberi tenaga kepada badan (dicari dalam bijiran, roti, gula, buah-buahan, dll). Terakhirnya, badan kita memerlukan air bersih.

Apa lagi yang berkaitan dengan kesihatan adalah kebersihan dan pemeliharaan kesihatan. Ia adalah sangat penting untuk memastikan diri bersih, memasuki selalu membersihkan diri dan membersihkan luka dengan betul. Seperti dikatakan sebelum ini, HIV/AIDS melemahkan tubuh badan dan memberi kesempatan kepada penyakit-penyakit untuk menjangkiti badan. Oleh kerana HIV melemahkan pembolehan badan mempertahankan dan membaiki, ia adalah sangat penting untuk mendapati pertolongan perubatan untuk semua penyakit.

Kenapakah jangkitan HIV berterusan: Faktor-faktor sosial (ringkas)

Penafian: Fikiran macam “Ia tidak akan jadi kepada saya,” adalah berhubung dengan penafian yang fata HIV/AIDS bukan satu masalah.

Jantina: Nista seksual, kaum wanita seperti kaum bawahan, latar belakang sosial dan ekonomi yang tidak seimbang, dan faktor-faktor biologi.

Pendidikan: Sumber kurang, fikiran yang salah, pengajaran yang terhad, dan stigma.

Media: Globalisasi seks, orientasi seksual yang diglobalisasi oleh media dan dengan kunjungan seks, seks dianjurkan dan/atau digemilangkan pada television dan sumber media yang lain. Media tidak ajar tentang pembelaan ataupun penyakit yang berjangkitan melalui seks, seperti HIV.

Perkhidmatan perubatan: Mahal, berkurangan, susah dapat, stigma, masalah setiap jam, penaungan yang berkurangan, perubatan untuk penyakit yang berjangkitan melalui seks (jumlah wang dan stigma).

Kebudayaan: tidak boleh cakap tentang seks ataupun unding untuk seks yang lebih selamat oleh sebab ketidaksamaan.

Sosial-ekonomi: layakan nutrisi, perubatan yang mahal, gaya hidup, perubatan/kos untuk rawatan.

Penyakit yang dijangkiti melalui seks (STD): Infeksi seperti ini hanya faktor sumbangan (menaikkan transmisi) untuk infeksi HIV.

Perperangan: Nista seksual, pergerakan orang ramai (pemberontak, askar, pelarian).

HIV/AIDS dalam Persepektif Global

UNAIDS (laporan Dis. 2005) mengatakan bahawa 40 juta orang hidup dengan HIV/AIDS. Sekurang-kurangnya 25 juta orang sudah meninggal akibat penyakit tersebut. Yang tinggal dengan HIV, 90% daripada mereka tidak tahu, dan kebanyakan daripada mereka tinggal di negara-negara yang sedang membangun. Bangsa remaja dan dewasa muda adalah mereka yang mempunyai risiko tertinggi (tetapi semua orang boleh dijangkiti). Dalam 2005, lebih daripada 50% yang dijangkiti berumur 15 hingga 24. Setiap hari lebih daripada 8000 mati akibat HIV/AIDS an 14,000 dijangkiti (setiap hari). Yang baru dijangkiti, beberapa kajian telah kata 250 (ada kajian yang memberi jumlah yang lebih tinggi, seperti 2000) adalah bayi yang dilahirkan atau bayi yang minum ibu emak yang dijangkiti. Lebihan, HIV/AIDS melibatkan banyak orang dan beberapa aspek dalam masyarakat. Jangkaan 14 juta kanak-kanak telah dijadikan anak-anak yatim akibat kematian AIDS. Sekarang, yang sudah mati, 7,000,000 adalah pekebun – jumlah ini akan menaik ke 16,000,000 pada tahun 2020. Kematian AIDS menjangkiti cikgu (85% dari kematian di Afrika Selatan adalah kerana AIDS) dan sistem perubatan tidak layak, tidak ada banyak duit, dan ditenggelami (50-80% daripada katil di hospital ditiduri oleh orang yang dijangkiti HIV/AIDS).

Pemeriksaan

Apakah kebaikan nutrisi dalam pencegahan?
Kenapakah rawatan penting?
Kapanakah HIV/AIDS masih meningkat?
Apakah sebab lain anda boleh menjumlahkan?
Apakan faktor-faktor tempatan yang terpenting?
Bagaimanakah faktor-faktor global berhubung di sini?
Apakah kesan-kesan segera HIV/AIDS?
Apakah kesan-kesan akibat jangkitan lama?

Pencegahan

Orang yang tinggal dengan HIV/AIDS boleh ditolongkan melalui beberapa cara: (1) rawatan “anti-retroviral”, walau bagaimanapun tiada penyembuhan untuk HIV, (2) pemulihan sistem lali dan, (3) rawatan penyakit sekunder?

Rawatan “anti-retroviral” bukannya penyembuhan, tiada penyembuhan untuk HIV/AIDS. Rawatan-rawatan ini tolong sistem lali dan boleh memperlambatkan kemajuan HIV/AIDS. Ini boleh memanjangkan jangkaan hidup orang yang tinggal dengan HIV/AIDS. Perubatan ini boleh menyebabkan mukjizat kerana perbaiki kesihatan dibuat hanya dua bulan selepas rawatan.

Rawatan “anti-retroviral” mempunyai aspek negatif. Ia mahal. Ia tidak beberapa senang untuk dapat di negara-negara yang sedang membangun, dan ia mempunyai kesan (20-30% daripada orang yang tinggal dengan HIV/AIDS di Amerika tidak boleh ambil perubatan “anti-retroviral”). Rawatan “anti-retroviral” menjadi lemah apabila virus menjadi lebih kuat.

Rawatan “anti-retroviral” boleh tolong seseorang yang sangat sakit menjadi sihat tetapi ia masih tidak menyembuh. Sistem lali juga boleh ditolong dengan kesihatan yang bagus dan nutrisi yang baik.

Ingat bahawa kematian sebab HIV/AIDS disebabkan oleh penyakit sekunder yang menjangkiti sistem lali yang lemah akibat HIV. Oleh sebab ini rawatan penyakit sekunder ini sangat penting untuk kesihatan dan untuk orang yang tinggal dengan HIV/AIDS. Rawatan perubatan untuk penyakit ini boleh memanjangkan jangkaan hidup orang yang tinggal dengan HIV/AIDS.

Pencegahan MTCT

Wanita yang mempunyai HIV dan menjadi hamil mempunyai jangkaan 35% (kemungkinan) dia akan menjangkiti anaknya. Seperti yang dikatakan, beberapa rawatan boleh mencegah cara ini. Satu ubat, Neviraphine, boleh dibagikan kepada ibu sebelum dan selepas dia lahirkan anak untuk mengurangkan kemungkinan jangkitan pada harga yang murah (sekurang-kurangnya USD\$ 4). Rawatan ini banyak digunakan kerana ia murah dan senang untuk diambil. Beberapa syarikat perubatan memberi rawatan ini

secara percuma. Yang penting untuk ibu dan anak adalah pengetahuan status HIV supaya persiapan untuk rawatan boleh dibuat.

Pemeriksaan

Apakah tiga pilihan untuk orang yang tinggal dengan HIV?

Apakah rawatan “anti-retroviral”?

Apa yang ia buat?

Adakah terdapatnya pemulihan?

Apakah kesan-kesan negatif?

Adakah ia mempunyai masalah-masalah lain?

Apakah itu MTCT?

Apa itu Neviraphine?

Apakah yang terpenting untuk orang lain untuk mencegah jangkitan HIV?

Jantina

HIV/AIDS bermula menjangkiti kaum lelaki, tetapi sekarang kaum wanita lebih dijangkiti. Pada 2005 lebih daripada 50% yang baru dijangkiti adalah perempuan. Ini dikaitkan dengan biologi fizikal seseorang wanita, status sosio-ekonomi, hak-hak, dan status. Sama dengan lelaki, kebanyakan jangkitan berlaku melalui hubungan seks. Baru-baru ini jumlah wanita yang HIV positif telah angkat dua kali gandaan setiap tahun. Setiap 20 saat, seseorang wanita menjadi HIV positif di negara-negara yang sedang membangun. Hak-hak wanita dan tugasnya dalam keluarga, terutama sekali apabila dia menjadi HIV positif, mengurangkan akses kepada rawatan/bantuan. Risiko wanita dijangkiti HIV+ yang meningkat berkaitan dengan:

1. Biologi: Wanita adalah yang menyambut dalam hubungan seks dan badan mereka mempunyai lebih banyak tempat yang terbuka berbanding dengan lelaki. Aksi-aksi hubungan seks yang berkaitan dengan tubuh badan seseorang wanita meningkatkan risiko. Lebihan, aksi melahirkan anak boleh menjagkiti anak dengan HIV melalui MTCT.
2. Masyarakat/Budaya: Wanita berhadapan dengan menjadi orang bawahan akibat status mereka di masyarakat; ini berkaitan dengan budaya. Ini berlaku apabila wanita dipaksa untuk seks dan melalui penguasaan/penyalahgunaan/ganasan – ini semua boleh jadi melalui kekerasan ataupun pekerjaan seks (CSW), yang selalunya dipanggil pelacuran. Beberapa perempuan rasa mereka tidak ada kebenaran ataupun hak untuk cakap tentang jantainya dan mereka tidak mempunyai hak untuk hubungan seks melalui cara yang lebih selamat.
3. Ekonomi: Kaum wanita selalunya dipaksa dalam industri seks (pelacuran) oleh sebab mereka tidak dibenarkan kerja, menanggung kaum lelaki yang tinggal keluarga (mati ataupun perceraian), atau mereka tidak ada peluang untuk kerja (akses ke makanan atau duit) dalam masyarakat. Wanita muda jumpa dengan ‘Bapa Ayam’ kerana duit/status/barang menarik perhatian mereka. Semua faktor ini mencampurkan dan berkaitan dengan wanita seperti orang bawahan dalam masyarakat/budaya.

4. Epidemiologikal: Beberapa wanita memerlukan transfusi darah apabila mereka melahirkan anak dan mereka ada lebih risiko kepada jangkitan berbanding dengan kaum lelaki.